

PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR PANTAI

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1. Undang-undang Permainan

- 1.1.1. Pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) dan terjemahan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

1.2. Perkara Yang Tidak Dinyatakan

- 1.2.1. Rujuk Peraturan AM HESF 2023

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1. Acara / Kategori Yang Dipertandingkan

- 2.1.1. Kategori berpasukan Lelaki dan Wanita

2.2. Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

- 2.2.1. Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 2 orang pemain, 1 pengurus dan 1 jurulatih bagi satu pasukan.
- 2.2.2. Setiap institusi hanya dibenarkan mendaftar 2 pasukan lelaki dan 2 pasukan wanita.
- 2.2.3. Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 2.2.4. Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja yang dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

2.3. Sistem Pertandingan

2.3.1. Sekiranya terdapat lebih daripada 24 pasukan, sistem pertandingan yang akan diguna pakai adalah seperti berikut:

- i. Pada perlawanan peringkat kumpulan, setiap pasukan bertanding akan bermain sebanyak satu set dengan kiraan mata sebanyak 21 mata tanpa *deuce*.
- ii. Peraturan ini akan diguna pakai pada peringkat kumpulan serta pusingan kedua sahaja.
- iii. Pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir akan dimainkan secara *best of three* dengan kiraan mata 21 bagi set pertama dan kedua dan bagi set ketiga atau penentuan akan dimainkan dengan kiraan 15 mata.
- iv. Bagi pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir, untuk set pertama dan kedua, jika kedudukan terikat 20 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (*Deuce*). Maksimum bagi satu perlawanan adalah sebanyak 31 mata.
- v. Untuk set ketiga pula, jika kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (*Deuce*). Maksimum bagi satu perlawanan adalah sebanyak 21 mata.

2.3.2. Sekiranya terdapat kurang daripada 24 pasukan, sistem pertandingan yang akan diguna pakai adalah seperti berikut:

- i. Setiap set dimainkan dengan kiraan 21 mata. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.
- ii. Untuk set pertama dan kedua, jika kedudukan terikat 20 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (*Deuce*). Maksimum bagi satu perlawanan adalah sebanyak 31 mata.
- iii. Untuk set ketiga pula, jika kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (*Deuce*). Maksimum bagi satu perlawanan adalah sebanyak 21 mata.

2.3.3. Cara Memutuskan Keputusan

2.3.3.1. Cara memberi mata:

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalah tanpa bertanding	- 0 mata

2.3.4. Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut: -

2.3.4.1. Nisbah Mata (M)

$M = \frac{\text{Jumlah mat menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (Semua perlawanan)}}$

2.3.4.2. Jika masih seri, Nisbah Set set tertinggi (S)

$S = \frac{\text{Jumlah set menang (Semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (Semua perlawanan)}}$

2.3.4.3. Jika masih seri,

$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.4.4. Jika masih seri,

$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.4.5. Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-dua pasukan tersebut akan diambilkira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

2.3.4.6. Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

2.3.4.7. Kelewatan

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu, lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 21-0 atau 21-0, 21-0.

2.4. Pakaian Pertandingan

- 2.4.1. Nombor jersi mestilah jelas dan terang dibahagian depan dan belakang. Minimum saiz (10cm x 15cm).
- 2.4.2. Nombor jersi yang dibenarkan untuk didaftar hanyalah bernombor 1 dan 2 sahaja.
- 2.4.3. Nombor jersi dinasihati agar tidak terlalu *fancy* atau mengelirukan.
- 2.4.4. Pakaian setiap pasukan hendaklah seragam bagi jersi dan seluar.
- 2.4.5. Atlet lelaki diwajibkan untuk menutup aurat dengan memakai seluar *tight*.
- 2.4.6. Pakaian bagi atlet wanita beragama islam hendaklah menutup aurat dan sopan.
- 2.4.7. Pakaian bagi atlet wanita bukan beragama islam pula dikehendaki memakai *inner* dan *tight* bersama baju dan seluar.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Bola Tampar Pantai	4	4	2+2	12